

BN boleh menang: PM

Oleh Norazmi Talib

KLANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lundang, Selasa ini.

Katanya, ini berikutan perkembangan di Kelantan yang menunjukkan semakin banyak pengundi di situ berminat menyertai Umno.

"Saya dapati banyak hendak menyertai Umno. Jadi nampaknya, harapan BN lebih cerah sikit kali ini dibandingkan dulu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri istiadat penganugerahan dar-

jah bintang kebesaran dan watakah perlantikan Jaksa Pengaman sempena Hari Keputeraan ke-68 Sultan Selangor di Istana Alam Shah di sini, semalam.

Beliau mengiringi Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menerima anugerah darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) kelas pertama membawa gelaran Datin Paduka.

Perdana Menteri ditanya mengenai peluang BN dalam pilihan raya kecil itu yang menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara calon BN, Nik Abdul Rahman Nik Taib dan calon Pas, Mohamed Daud.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berharap 19,790 pengundi DUN Lundang akan menyokong BN dalam pilihan raya itu demi kebaikan mereka.

"Saya harap mereka akan sokong BN dan tukar (pemerintahan) kepada BN," katanya.

Menurut beliau, jika pengundi tidak menyokong BN, mereka akan rugi dari segi menikmati pelbagai faedah, terutama pembangunan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata peluang BN untuk memenangi pilihan raya kecil itu memang ada kerana penerimaan rakyat

Kelantan terhadap BN, terutama Umno, begitu memberangsangkan sekarang.

"Saya baru balik dari Kelantan dan menemui kira-kira 500 ahli bekas Semangat 46 dan Pas. Mereka nampaknya begitu kecewa dengan kerajaan Pas dan ingin melihat BN berkuasa di Kelantan," katanya.

Beliau berkata, daripada riak pengundi menunjukkan BN mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya kecil terbabit.

Katanya, kemenangan BN dalam pilihan raya Lundang itu akan memberi makna kepada negeri Kelantan.

